

BERITA » Nasional
Rabu, 22 April 2020 | 10:05am

Cari Kata Kunci



Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang baharu, Datuk Dr Yusof Ismail. - Foto BERNAMA

Dr Yusof dilantik Ketua Pengarah baharu MAMPU

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Share Tweet

KUALA LUMPUR: Datuk Dr Yusof Ismail dilantik sebagai Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), berkuat kuasa hari ini.

Pelantikan itu diumumkan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali dalam kenyataan hari ini.

Pinjaman Konfirm Boleh Dapat

Konfirm 0% Deposit

Pinjaman Yg Konfirm Boleh Dapat. Tiada Sebarang Bayaran Pendahuluan. Gaji Cash Layak Mohon
myeasyloan11.com

BUKA

Disyorkan



The World Of The Married
cetus fenomena K-Drama



COVID-19: AS luluskan
Remdesivir untuk
kecemasan rawat pesakit



Pelajar UMS dakwa
tertekan kena kuarantin
wajib



COVID-19: AS catat 1,883
lagi kematian dalam 24 jam



COVID-19: AS catat 1,883
lagi kematian dalam 24 jam



Tiada maaf bagi premis
langgar SOP PKPB

"Semoga dengan pelantikan ini, kecekapan dan keberkesanan MAMPU melaksanakan transformasi kerajaan digital ke arah penawaran perkhidmatan yang berpaksikan rakyat diperkasakan," katanya.

Yusof, 58, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya (UM), Ijazah Sarjana Pembangunan Ekonomi dari Williams College, Massachusetts, Amerika Syarikat (AS) dan Doktor Falsafah Pembangunan Komuniti dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Beliau berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 32 tahun dengan jawatan pertama disandang sebagai Penolong Setiausaha, Bahagian Ekonomi di Kementerian Kewangan pada 12 Januari 1988.

Beliau memiliki pengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuk kewangan, pelaburan strategik dan ekonomi serta pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Transformasi dan Pemodenan Pengurusan) MAMPU.

Selain itu, beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Setiausaha Bahagian (Bahagian Pelaburan Strategik), Kementerian Kewangan.



Mayat reput jalani saringan COVID-19



PKP tetap berkuat kuasa hingga 12 Mei




COVID-19: Zon Merah menurun kepada 8 daerah



Menteri Kewangan saran institusi kewangan lupus kadar faedah terakru

Popular



Padah henti perintah berkurang terlalu awal, COVID-19 kembali menganas